

SOALAN NO:42

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali
[Bagan Serai]

TARIKH : 26 Mac 2018 (Isnin)

SOALAN : Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali
[Bagan Serai] minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**
menyatakan apakah langkah-langkah
Kerajaan untuk **membendung
penggunaan benih padi tidak sah** yang
menular ke jelapang padi negara, serta
apakah sebab petani memilih benih begini
serta apakah kesan-kesan sehingga berlaku
penurunan hasil padi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk membendung penggunaan benih padi tidak sah adalah:

- i) memastikan pengeluaran benih padi sah adalah mencukupi setiap kali musim penanaman; dan
- ii) menjalankan pelbagai aktiviti pengembangan bersepadu dan kempen penggunaan benih padi sah bagi meningkatkan kesedaran tentang kebaikan penggunaan benih padi sah.

Disamping itu, Kerajaan juga sedang dalam proses mewujudkan peraturan pelesenan kepada pengeluar-pengeluar benih padi di seluruh negara.

Antara sebab pesawah memilih benih padi tidak sah adalah kerana:

- i) Tempoh matang yang singkat iaitu kurang daripada 100 hari; dan
- ii) Harga jualan yang lebih murah di pasaran.

Penggunaan benih padi tidak sah sebagai contoh MR220 CL2 tanpa racun *onduty* akan memberi kesan yang lebih besar kepada penularan padi angin yang tidak terkawal dan secara tidak langsung menyumbang kepada penurunan hasil padi.